

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF**

**TARIKH : 11 OGOS 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu di premis-premis kediaman, komersial dan industri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu di premis-premis kediaman, komersial dan industri, Kerajaan telah memperkenalkan Program Pemeteran Bersih (*Net Energy Metering – NEM*), yang membolehkan pengguna elektrik memasang sistem solar fotovolta di bumbung premis masing-masing untuk kegunaan sendiri dan menjual lebihan tenaga yang dijana sebagai kredit tenaga.

Di bawah Program NEM 3.0, pengguna elektrik kategori kediaman boleh menyertai program NEM Rakyat, manakala agensi-agensi Kerajaan boleh menyertai program NEM GoME dan pengguna kategori komersil dan industri boleh menyertai program NEM NOVA.

Sekian, terima kasih.